

Malaysia sokong semua usaha PBB bebas Kuwait

KUALA LUMPUR: Malaysia masih menyokong segala keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam usaha membebaskan Kuwait daripada penaklukan tentera Iraq, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, Malaysia bersikap berkecuali dalam peperangan di Teluk, yang akan masuk bulan kedua.

"Kita masih sokong segala tindakan yang diambil oleh PBB, tapi kita berkecuali dalam masalah ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis 'Rumah Terbuka' anjuran Parti Gerakan sempena Tahun Baru Cina di sebuah hotel, kelmarin.

Malaysia menyokong kete-

tapan 678 Majlis Keselamatan PBB untuk menggunakan kekerasan bagi mengundurkan tentera Iraq dari Kuwait tetapi mempersoalkan tindakan Tentera Bersekutu, yang diketuai oleh Amerika Syarikat mengebom Iraq.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak nampak jalan penyelesaian terhadap perang yang berlaku kerana kedua-dua pihak (Iraq dan Tentera Bersekutu) masih terus berdegil.

"Walaupun apa pun penyelesaiannya, Iraq mestilah keluar dari Kuwait. Dia tidak boleh takluk sebuah negara lain kerana ia bukannya cara untuk menyelesaikan pertikaian sempadan".

"Kalau (tentera) boleh masuk dan ambil negara orang,

maka tidak senang hatilah orang di negara yang lemah," katanya.

Ketika ditanya bilakah beliau akan melawat Kelantan, Perdana Menteri berkata beliau belum ada rancangan untuk berbuat demikian.

Majlis Tertinggi UMNO, yang bermesyuarat minggu lalu bersetuju melantik Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno untuk menjadi Ketua Perhubungan Umno Kelantan.

Sebelum itu, ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir dan isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali disambut oleh Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan beberapa pemimpin parti itu.